



Ruj. Kami : JPK/703/1/1 Jld. 2 ( 49 )  
Tarikh : 10 Jun 2011

Presiden  
**ALAF ANGGUN SDN. BHD.**  
12, Tingkat 2 & 3, Wisma Naza,  
Jalan Sg. Besi,  
57100 Kuala Lumpur.

Tuan,

**PEMAKLUMAN PERUBAHAN TEMP OH PENGALAMAN DAN LAIN-LAIN  
DOKUMEN BERKAITAN PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas:

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat perubahan terhadap tempoh pengalaman kerja bagi syarat permohonan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Berikut adalah perubahan berkaitan iaitu:

**Jadual 1 Tempoh Pengalaman Kerja.**

Tahap Persijilan	Tempoh Pengalaman Kerja
SKM Tahap 1	2 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan
SKM Tahap 2	3 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 1 beserta satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
SKM Tahap 3	4 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 2 beserta satu (1) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
DKM	5 tahun pengalaman; atau Memiliki SKM Tahap 3 beserta dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan
DLKM	7 tahun pengalaman; atau Memiliki DKM beserta dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan berkaitan

*Nota: Bagi permohonan Sijil pada tahap yang lebih tinggi, pemohon hendaklah memiliki Sijil pada tahap sebelumnya, jika diperlukan oleh Stantard berkenaan.*

Setiap salinan dokumen yang dihantar hendaklah disahkan oleh majikan atau pegawai kerajaan kumpulan A  
*Each of submitted document have to be verified by the employer or group A government officer.*